

SULIT

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN TINGK. 5
SEJARAH**

1249/1

Kertas 1
2016

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

1 Pernyataan berikut menerangkan tamadun Mesopotamia

Tamadun Mesopotamia telah mencipta alat pengangkutan yang terawal di dunia

Apakah kesan daripada perkembangan tersebut ?

- A Bidang pendidikan berkembang luas
- B Hubungan dengan dunia luar terjalin
- C Struktur masyarakat menjadi kompleks
- D Sistem pemerintahan bertambah kukuh

2 Apakah kepentingan tamadun berikut terhadap tamadun Indus ?

- Tamadun Mesopotamia
- Tamadun Mesir Purba

- A Memajukan perancangan bandar
- B Memperkembangkan sektor pertanian
- C Meningkatkan teknologi pengangkutan
- D Memodenkan bidang perubatan

3 Gambar 1 menunjukkan bandar Pompei dalam tamadun Rom




Gambar 1

Mengapakah bandar tersebut dianggap sebagai bandar contoh ?

- A Mengamalkan pemerintahan demokrasi
- B Memiliki kekuatan ketenteraan
- C Mempunyai pelbagai kemudahan

- 4 D Melaksanakan kepercayaan politeisme
Rajah 1 menunjukkan perubahan pentadbiran dalam tamadun Rom.



Rajah 1


Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut ?

- A Penaklukan kuasa asing
B Kemunculan golongan pertengahan
C Pemberontakan golongan patrician
D Kemasukan kepercayaan luar
- 5 Maklumat berikut berkaitan bentuk kerajaan awal di Asia Tenggara

- Kerajaan Agraria
- Kerajaan Maritim

Apakah aspek yang membezakan kedua kerajaan tersebut ?

- A Sistem pentadbiran
B Kedudukan geografi
C Amalan kepercayaan
D Kepadatan penduduk
- 6 Rajah 2 menerangkan usaha pemerintah kerajaan Angkor.



Rajah 2

Apakah kesan daripada usaha tersebut?

- A Jajahan takluk meluas
B Pengeluaran padi meningkat
C Bekalan air bersih mencukupi


- D Aktiviti perdagangan berkembang
7 Jadual 1 menunjukkan peristiwa yang berlaku dalam kerajaan Sabak.

Tahun	300 Masihi
Peristiwa	Keruntuhan Empangan Maarib

Jadual 1

Apakah faktor yang menyebabkan keadaan tersebut?

- A Kecuaian pemimpin
B Serangan musuh
C Penentangan rakyat
D Kemosrotan ekonomi
- 8 Nabi Muhammad merancang untuk mengubah kehidupan masyarakat Arab Jahiliah Bagaimanakah baginda dapat melakukan perubahan tersebut ?
- A Memberikan pendidikan percuma
B Menggalakkan kegiatan perdagangan
C Menanamkan keimanan kepada Allah
D Menjalin hubungan dengan tamadun Rom
- 9 Rajah 3 menunjukkan usaha Nabi Muhammad s.a.w. selepas Perjanjian Aqabah Pertama




Rajah 3

Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w berbuat demikian ?

- A Menyebarkan dakwah Islamiah
B Menyelesaikan pergaduhan penduduk
C Membangunkan sektor perdagangan
D Menghapuskan ancaman Yahudi

10 Rajah 4 menerangkan perkembangan yang berlaku di Semenanjung Tanah Arab



Rajah 4

Apakah peristiwa **X** ?

- A Perang Siffin meletus
- B Pembukaan semula Kota Makkah
- C Perjanjian Hudaibiah ditandatangani
- D Penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w

11 Dialog berikut berkaitan dengan kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.

Ahmad	: Nabi Muhammad s.a.w. wafat pada tahun 632 M bersamaan 11 Hijrah
Syukur	: Kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. telah membawa cabaran kepada umat Islam

Apakah cabaran yang dimaksudkan dalam dialog tersebut ?

- A Pembunuhan suku Aus
- B Pemilihan bakal pemimpin
- C Penentangan orang Yahudi
- D Pemansuhan sistem khalifah

12 Bagaimanakah Khalifah Umar al-Khattab memantapkan sistem ketenteraan Islam pada masa pemerintahannya ?

- I Membina markas tentera
- II Mewujudkan tentera tetap
- III Mengambil tentera upahan
- IV Membentuk angkatan tentera laut

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Maklumat berikut merujuk karya kesusasteraan yang terdapat di Asia Tenggara.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Hikayat Aceh • Hikayat Raja-Raja Pasai • Hikayat Merong Mahawangsa |
|--|

Sebagai pengkaji karya kesusasteraan, apakah perkara yang anda temui dalam karya tersebut?

- A Perkahwinan siasah
- B Kemunculan kerajaan
- C Kepelbagaian bahasa
- D Pengislaman pemerintah

14 Gambar 2 menunjukkan bahan artifak yang ditemui di Kuala Berang, Terengganu.



Batu Bersurat Terengganu

Gambar 2

Apakah yang dapat dibuktikan melalui artifak tersebut ?

- A Kepentingan tulisan Jawi
- B Kedatangan agama Islam
- C Kepesatan aktiviti perdagangan
- D Kemunculan perkampungan baru

15 Jadual 2 menerangkan peranan Melaka selepas kedatangan Islam

Abad	Peristiwa
15	Menjadi pusat penyebaran agama Islam yang penting di Alam Melayu

Jadual 2

Bagaimanakah Melaka menyebarkan agama Islam ?


- I Perluasan kuasa
 - II Perkahwinan siasah
 - III Penghantaran perutusan
 - IV Penyeragaman perundangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III

- D III dan IV
 16 Pernyataan berikut menggambarkan peristiwa yang berlaku di istana Melaka.

Kitab *al-Dur al Manzum* telah diarak hingga ke balairung istana Melaka

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan pernyataan tersebut ?

- A Rakyat Melaka mahir berbahasa asing
 B Pemerintah Melaka meminati ilmu pengetahuan
 C Sistem perundangan Melaka berasaskan karya agama
 D Masyarakat Melaka menerima kemasukan karya asing
- 17 Rajah 5 merujuk perubahan kedudukan individu dalam masyarakat Eropah pada Zaman Gelap



Rajah 5

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan


- A Menderhaka terhadap pemerintah
 B Ketidakmampuan membayar cukai
 C Berkelakuan buruk terhadap majikan
 D Keengganan mempelajari ilmu agama
- 18 Pada Zaman Pertengahan, orang Islam telah menguasai kawasan Mediterranean. Apakah implikasi peristiwa tersebut terhadap
- A Kehilangan jajahan takluk
 B Kemerosotan sistem beraja
 C Mewujudkan golongan baron
 D Menjalankan kegiatan pertanian

Pembesar	Negeri
Long Jaafar	Perak
Raja Jumaat	Selangor
Raja Muda Linggi	Negeri Sembilan

19 Apakah persamaan di antara pembesar tersebut ?

- A Memiliki lombong bijih timah
- B Menyeragamkan sistem cukai
- C Membawa masuk imigran asing
- D Mengusahakan pertanian komersial

20 Bagaimanakah tokoh tersebut menggalakkan perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu ?



H.N. Ridley

- A Menubuhkan institusi penyelidikan
- B Membentuk syarikat perwakilan
- C Membawa masuk modal luar
- D Menemui cara torehan baru

21 Pernyataan berikut menerangkan perkembangan yang berlaku di Eropah.

Sejak abad ke-17, sektor perindustrian telah berkembang pesat di Eropah

Apakah kesan daripada perkembangan tersebut ?

- A Sistem feodal terhapus
- B Harga makanan merosot
- C Permintaan buruh mahir bertambah

- 22 D Keperluan bahan mentah meningkat
Senarai berikut merujuk kepada perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Penciptaan telegraf • Pembukaan Terusan Suez • Penggunaan kapal berkuasa wap |
|--|

Apakah kesan perkembangan tersebut ?

- A Perluasankuasa asing
B Peningkatan taraf hidup
C Kemajuan pertanian tradisional
D Kemunculan kelas pertengahan
- 23 Rajah 6 merujuk kepada perubahan sistem pemerintahan di Asia Tenggara selepas kedatangan imperialis Barat.



Rajah 6

Mengapakah perubahan tersebut dilakukan

- A Mengurangkan kos pengurusan
B Menyatupadukan penduduk
C Menguasai sektor ekonomi
D Mengiktiraf kekuasaan pembesar
- 24 Jadual 3 merujuk perubahan pentadbiran di Thailand.

Tahun	Peristiwa
1932	Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan

Jadual 3

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Taraf hidup rakyat merosot
B Kebebasan berpolitik dihalang
C Sistem pendidikan sekular disekat
D Pengaruh pembesar tradisional berkurangan

25 Jadual 4 merujuk peristiwa serangan British ke atas Naning.

Tahun	Peristiwa
1831	Kapten Wylie mengetuai 150 orang tentera telah menyerang Naning

Jadual 4

Apakah faktor yang mendorong kepada tindakan tersebut?

- A Keengganan Dol Said membayar ufti
- B Kegagalan Dol Said membayar cukai tanah
- C Kegagalan Dol Said menyediakan tenaga kerahan
- D Keengganan Dol Said menggunakan mata wang baru

26 Maklumat berikut merujuk pemimpin tempatan yang menentang James Brooke di Sarawak pada abad ke-19.

<ul style="list-style-type: none"> • Linggir • Syarif Masahor • Rentap

Mengapakah mereka bertindak demikian?

- A James Brooke menghapuskan amalan perhambaan
- B James Brooke memperkenalkan peraturan tanah
- C James Brooke menyekat kebebasan beragama
- D James Brooke menguasai daerah pedalaman

27 Jadual 5 merujuk perkembangan yang berlaku di Perak.

Tarikh	21 Julai 1875
Lokasi	Durian Sebatang
Peristiwa	Dato' Maharaja Lela bermesyuarat dengan pembesar Melayu Perak

Jadual 5

Apakah keputusan yang diambil dalam mesyuarat tersebut ?

- A Membunuh J.W.W. Birch
- B Memulaukan pelantikan Residen British
- C Menyerang pusat pentadbiran British
- D Menandatangani Perjanjian Pangkor

- 28 Maklumat berikut merupakan novel yang diterbitkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Anak Mat Lela Gila
- Putera Gunung Tahan

Apakah tema yang dikupas dalam novel tersebut ?


- A Perpaduan kaum
 B Kebebasan wanita
 C Semangat kebangsaan
 D Kepentingan pendidikan
- 29 Jadual 6 merujuk peperangan yang dilancarkan oleh Otto Eduard von Bismark di Eropah

Tahun	Peristiwa
1864	Peperangan dengan Denmark
1866	Peperangan dengan Austria
1870	Peperangan dengan Perancis

Jadual 6

Mengapakah beliau berbuat demikian?

- A Menyatukan negara
 B Meluaskan tanah jajahan
 C Menyebarkan kebudayaan baru
 D Mengembalikan kedaulatan negara
- 30 Rajah 7 merujuk ciri negara dan bangsa Malaysia.




Rajah 7

Apakah X ?

- A Negara
 B Bangsa
 C Kerajaan
 D Perlembagaan

31 Gambar 3 merujuk alat kebesaran diraja masyarakat Melayu tradisional.



Gambar 3

Apakah kepentingan alat tersebut ?

- A Tanda kewibawaan pemerintah
- B Lambang kesetiaan rakyat
- C Simbol kedaulatan raja
- D Identiti warisan budaya bangsa

32 Golongan berikut dilantik Sultan Muhammad II dalam pentadbiran negeri Kelantan

- Wan
- Nik

Bagaimanakah golongan tersebut mengukuhkan kewibawaan Sultan Kelantan ?

- A Menyediakan kerahan tenaga
- B Membekalkan modal perdagangan
- C Melatih kepimpinan golongan pembesar
- D Memberikan taat setia tidak berbelah bagi

- 33 Monolog berikut mungkin dituturkan di Tanah Melayu pada tahun 1946.

“ Nampaknya tindakan British ini akan menghapuskan negara dan bangsa orang Melayu yang telah dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka “

Tokoh Politik

Tindakan dalam monolog tersebut merujuk kepada

- A Penubuhan Sistem Ahli
 - B Pengenalan Malayan Union
 - C Pelantikan Penasihat British
 - D Pembentukan Malaysia
- 34 Maklumat berikut merujuk unit pentadbiran yang wujud di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua

- Negeri-Negeri Selat (NNS)
- Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)
- Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)

Apakah kesan daripadanya ?

- A Kelahiran kepelbagaian budaya
- B Kewujudan masyarakat majmuk
- C Kesukaran mengutip cukai pertanian
- D Ketidakseimbangan pembangunan negeri

- 35 Petikan berikut disiarkan dalam akhbar tempatan di Tanah Melayu pada tahun 1940-an

April, KUALA LUMPUR– Pengenalan Malayan Union telah membangkitkan penentangan daripada orang Melayu di beberapa bandar utama.

Mengapakah orang Melayu bertindak demikian ?

- A Pengenalan ekonomi kawalan
 B Kelonggaran syarat kerakyatan
 C Pelaksanaan pemerintahan republik
 D Ketidakseimbangan komposisi penduduk
- 36 Maklumat berikut merupakan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Sir R.O. Winstedt
- Sir Cecil Clementi
- Sir George Maxwell

Apakah peranan mereka?

- A Menganggotai Suruhanjaya Reid
 B Mencadangkan pelaksanaan Sistem Ahli
 C Merangka perlembagaan Malayan Union
 D Menentang dasar menakluki Tanah Melayu
- 37 Jadual 7 menunjukkan perubahan yang dilakukan oleh British di Tanah Melayu.

Tahun	1951
Peristiwa	Pengenalan Sistem Ahli

Rajah 7

Mengapakah British memperkenalkan perubahan tersebut ?

- A Mengiktiraf hak orang dagang
 B Melicinkan struktur pentadbiran
 C Memberikan latihan pentadbiran

D Menanamkan semangat taat setia

38 Monolog berikut menggambarkan kepentingan Sistem Ahli kepada negara kita.

“ Sistem Ahli memulakan proses perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu “



Apakah bukti yang dapat menyokong pernyataan tersebut?

- A Setiap kaum berhak memilih anggotanya
- B Idea penubuhannya hasil cadangan pelbagai kaum
- C Ahlinya merupakan gabungan pemimpin pelbagai kaum
- D Pandangan setiap kaum diambil kira dalam membuat keputusan

39 Dialog berikut menggambarkan kecaman orang Melayu terhadap cadangan Dato' Onn Jaafar pada tahun 1951.

Pak Dollah : Tak masuk akal betul cadangan Dato' Onn tu.

Pak Salleh : Yalah! Orang Melayu sama sekali tidak akan bersetuju dengan cadangan tersebut!

Apakah cadangan tersebut?

- A Pemberian kerakyatan terbuka
- B Pembukaan keahlian UMNO
- C Penubuhan Parti Negara
- D Pelaksanaan pilihan raya

- 40 Pada bulan Februari, 1956, Tunku Abdul Rahman telah mengetuai satu rombongan ke London.

Apakah tujuan beliau bertindak demikian?

- A Merangka perlembagaan baru negara
- B Memaklumkan keputusan pilihan raya
- C Mengadakan rundingan kemerdekaan
- D Membantah pelaksanaan pentadbiran baru

KERTAS SOALAN TAMAT

